

09 MAY 1996

Anwar-Mara

LANGKAH ATASI MASALAH MARA DIUMUM MINGGU DEPAN, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 9 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan mengumumkan langkah yang akan diambil bagi menangani masalah Mara pada minggu depan, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Perkara itu akan dibincangkan dengan Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed terlebih dahulu," kata Anwar.

Beliau juga mengesahkan bahawa beliau dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah menerima laporan audit mengenai Mara baru-baru ini.

Katanya, beliau telah mengarahkan Perbendaharaan supaya meneliti semula permohonan baru mengenai perbelanjaan Mara yang telah dilakukan sebelum ini.

"Ini kerana Mara telah komited dengan jumlah belanja yang besar yang tidak mendapat kelulusan sebelum ini dan kita tidak mahu ia menjejaskan pembangunan pendidikan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan ibu pejabat Korporat Koperasi Usaha Bersatu Malaysia Bhd (KUB) di Pekeliling Business Centre di sini.

Beliau berkata kepentingan para pelajar yang sedang menuntut tidak boleh dikorbankan berikutan kesilapan yang dilakukan oleh Mara.

Awal tahun ini, kerajaan menubuhkan jawatankuasa audit pengurusan dan kewangan bagi menyiasat punca berlakunya masalah kewangan Mara.

Anwar berkata, setiap agensi kerajaan perlu mengemukakan laporan perbelanjaannya bagi mendapat kelulusan kerajaan pusat.

"Perbendaharaan tidak boleh menerima rayuan setiap bulan. Kita kena rancang perbelanjaan kita setiap tahun dan tahun-tahun berikutnya," katanya. -- BERNAMA

RAZ NMO